

## Dua pemilik kedai jam mengaku salah jual jam tangan tiruan



Mohd Faizal (dua dari kiri) dan Sulriani (dua dari kanan) mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Kuantan semalam atas tuduhan memiliki jam tangan berjenama tiruan.

**KUANTAN** - Dua pemilik kedai jam didakwa di Mahkamah Sesyen Kuantan semalam atas tuduhan menjual jam tiruan berjenama antarabangsa pada 9 Mac lalu.

Sulriani Suliman, 40, dan Mohd Faizal Abdul Rashid, 38, selaku Orang Kena Saman (OKS) mengaku bersalah selepas pertuduhan dibacakan terhadap mereka di hadapan Hakim, Siti Aminah Ghazali.

Mahkamah memerintahkan hukuman denda RM25,000 terhadap Sulriani dan 12 bulan penjara jika gagal membayar denda manakala Mohd Faizal pula diperintah membayar denda RM20,000 dan dipenjarakan selama 10 bulan, sekiranya gagal melunaskan denda itu.

Sulriani yang tidak diwakili peguam memohon kepada

mahkamah supaya mengurangkan denda terhadapnya atas alasan kesalahan pertama dilakukan.

Dia mendakwa tidak mengetahui perbuatan menjual barang tiruan itu salah dan pembekal tidak memaklumkan perkara terbabit kepada-

Mohd Faizal juga memohon agar hukuman denda dikurangkan atas alasan sama.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negari, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNHEP), Syamsul Kahar Ahmad Nadri memohon mahkamah menjatuhkan hukuman setimpal yang boleh memberi pengajaran kepada OKS dan orang awam supaya tidak menjual barang tiruan.

HARI :	RABU
TARIKH :	18/3/2020
M/SURAT :	30